

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2023**

**TARIKH : 25 MEI 2023 (RABU)**  
**MASA : 9.30 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING, MPKL**

**HADIR**

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***  
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**  
*D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya  
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**  
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**  
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**  
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**  
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**  
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**  
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**  
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**  
Ahli Majlis
12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**  
Ahli Majlis

13. **Encik Lim Lip Suan**  
Ahli Majlis
14. **Encik Tan Wee King**  
Ahli Majlis
15. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**  
Ahli Majlis
16. **Encik Zulkipli bin Said**  
Ahli Majlis
17. **Encik Abd Razak bin Ramli**  
Ahli Majlis
18. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**  
Ahli Majlis
19. **Encik Tan Keng Siang**  
Ahli Majlis
20. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**  
Ahli Majlis
21. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**  
Ahli Majlis
22. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**  
Ahli Majlis
23. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**  
Ahli Majlis
24. **Puan Rashina binti Arsat**  
Ahli Majlis
25. **Encik Sahnizam bin Othman**  
Ahli Majlis
26. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**  
Setiausaha

## TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan/  
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.**  
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Puan Sr. Lisawati binti Abd. Karim**  
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**  
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**  
Pengarah Jabatan Landskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**  
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**  
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**  
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
10. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
11. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**  
Ketua Unit Audit Dalam
12. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**  
Ketua Unit Pusat Setempat
13. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**  
Ketua Unit Integriti
14. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**  
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

15. **Encik Mohd Yusdi bin Mohamad**  
Wakil Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
16. **Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni**  
Waki Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
17. **Encik Mohd Khairul Anuar bin Zainois**  
Wakil Penasihat Undang-Undang
18. **Puan Norhidayu binti Abdullah**  
Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. **Encik Yong Keh Chyn**  
Ahli Majlis

#### **DIJEMPUT HADIR**

1. **YM. Raja Redzuan Shah bin Raja Iskandar Shah**  
Jurutera Daerah, JPS Kuala Langat

#### **URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**  
Pembantu Setiausaha Pejabat
2. **Puan Rosmawati binti Othman**  
Pembantu Setiausaha Pejabat
3. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**  
Pembantu Operasi
4. **Encik Shahril bin Sairon**  
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<b>BACAAN DOA</b>		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah oleh semua ahli mesyuarat beragama Islam.		<b>Makluman</b>
2.0	<b>SESI TAKLIMAT</b>		
	2.1	<p><b>TAKLIMAT <i>BLUEPRINT</i> KAJIAN SISTEM PERPARITAN DAERAH KUALA LANGAT DARIPADA JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH KUALA LANGAT</b></p> <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berkenaan konsep saliran di Kuala Langat, dimaklumkan ia dipengaruhi oleh air pasang surut dan agak landai. Oleh itu, kebanyakan sistem perparitan di daerah ini berfungsi sebagai takungan.</li> <li>2. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan Jabatan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan dua kolam takungan kepada pihak Majlis iaitu di Banting Baru dan Bandar Sri Ehsan.</li> <li>3. Encik C. Kamalanathan ingin tahu berkenaan status masalah banjir di Jalan Perepat, Telok Panglima Garang. Beliau juga mencadangkan pihak JPS dan JKR turun padang ke kawasan tersebut.</li> </ol> <p><i>Dimaklumkan perkara ini masih dalam penilaian di peringkat Kerajaan Negeri. Dijangka tarikh milik tapak pada akhir bulan Jun atau awal bulan Julai.</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Puan Nor Aishah memaklumkan banjir besar yang melanda kawasan RTB pada tahun 1971 kembali berulang pada tarikh 18 Disember 2021. Isu utama ialah air yang datang dari Sungai Labu. Beliau juga memaklumkan di Jalan Maju 1/5, Taman Seri Maju, longkang tidak sama</li> </ol>	<b>Makluman</b>

		<p>paras menyebabkan air tidak dapat mengalir ke parit tanah. Beliau turut mencadangkan penyelenggaraan parit-parit di bawah JKR diambil alih oleh pihak JPS.</p> <p>5. Puan Rogayah memaklumkan berkenaan parit dan kolam di Jalan Paya Bakau, Sijangkang.</p> <p><i>Dimaklumkan pihak JPS sedang menjalankan kerja pengukuhan ban di kawasan tersebut.</i></p> <p>6. Puan P. Umananthini ingin tahu berkenaan status pemasangan <i>flap gate</i> di kolam takungan Taman Sri Jaromas.</p> <p><i>Dimaklumkan perkara ini sedang menunggu serahan tanah daripada pihak pemaju. Pihak JPS Kuala Langat juga telah menyediakan peruntukan dan anggaran kos untuk penyelenggaraan kolam tersebut.</i></p>	
	2.2	<p><b>TAKLIMAT CADANGAN BANGUNAN BAHARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT DI KOTA SERI LANGAT</b></p> <p>Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah JKB untuk makluman semua ahli mesyuarat.</p>	<b>Makluman</b>
<b>3.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	3.1	<p><b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 4 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 APRIL 2023</b></p>	
		<p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Haridass a/l Ramasamy dan disokong oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid tanpa sebarang pindaan.</p>	<b>Makluman</b>
<b>4.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	4.1	- TIADA -	<b>Makluman</b>

5.0	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	5.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 MEI 2023</b>	
	Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:		
	i.	<p><b><u>Perkara 3.0 (m.s.4)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status kemajuan kerja-kerja pengubahsuaian Hotel Brisdale.</p> <p><i>Dimaklumkan kemajuan kerja telah mencapai 66 peratus sehingga 30 April 2023. Setakat ini, sebanyak RM2.2 juta telah dibayar oleh pihak Majlis.</i></p>	<b>Makluman</b>
	5.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MEI 2023</b>	
	Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:		
	i.	<p><b><u>Perkara 4.3 (m.s.5)</u></b></p> <p>Encik Wong Kim Loon ingin tahu berkenaan permohonan tuntutan bayaran kerosakan sebanyak RM60, 000 oleh pihak Sup Cheng Sdn. Bhd.</p> <p><i>Dimaklumkan pokok-pokok di bawah MPKL dilindungi oleh insurans. Untuk kes ini, pihak Majlis telah menghantar semua tuntutan kepada syarikat insurans yang dilantik.</i></p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p><b><u>Perkara 4.10.2 (m.s.7)</u></b></p> <p>Puan Nor Aishah memaklumkan sampah tidak dikutip mengikut jadual di kawasan kedai, Taman Langat</p>	<b>Makluman</b>

		Utama 3. <i>Wakil Pengarah JPSPKP memaklumkan perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak KDEB Waste Management untuk proses penamatan kontrak.</i>	
	5.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MEI 2023</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	5.4	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN 12 MEI 2023</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	5.5	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 MEI 2023</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	5.6	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 MEI 2023</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	5.7	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 MEI 2023</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<b><u>Perkara 6.1.10 (m.s.9)</u></b>	<b>JK</b>

		Puan Nor Aishah memaklumkan terdapat lima tiang lampu tidak menyala di Taman Langat Murni.	
	ii.	<p><b><u>Perkara 6.13.2 (m.s.17)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status Projek <i>Waste To Energy</i> (WTE) di Tanjung Dua Belas.</p> <p><i>Dimaklumkan projek ini di bawah inisiatif Worldwide Holding Berhad. Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan WTE di Tanjung Dua Belas dengan tanah yang lebih besar bersebelahan tapak pelupusan sampah sedia ada.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak Worldwide dijemput hadir pada Mesyuarat MPKL akan datang.</i></p>	<b>Makluman</b>
<b>6.0</b>	<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	<b>6.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 7 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 4 APRIL 2023</b>	
	6.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
	<b>6.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 8 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 APRIL 2023</b>	
	6.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
<b>7.0</b>	<b>HAL-HAL LAIN</b>		
	7.1	<p>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan masih menerima aduan berkenaan bau kurang menyenangkan di RTB Bukit Changgang.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan hasil semakan pihak JAS</i></p>	<b>Makluman</b>

		<i>mendapati ia berpunca daripada kertas yang dikumpulkan dan buat masa ini, pihak jabatan sedang menunggu maklum balas lanjut daripada pihak JAS.</i>	
	7.2	Encik Abd Razak memohon pihak jabatan membuat pencahayaan di trek jogging, Taman Seri Sawah.	<b>JK</b>
	7.3	Berkenaan tapak pelupusan sampah di Tanjung Dua Belas, Encik Wong Kim Loon ingin tahu perancangan pihak Majlis berkenaan kaedah yang akan digunakan di tapak tersebut.  <i>Dimaklumkan tanah tersebut dikawal sepenuhnya oleh pihak Worldwide.</i>	<b>Makluman</b>
	7.4	Encik R. Haridass ingin tahu status pembinaan Krematorium di Serdang Belah. Beliau juga memaklumkan berkenaan lampu jalan dari jalan masuk Pulau Carey hingga Amverton Cove.  <i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan sebanyak 10 unit lampu jalan telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri. Berkenaan krematorium di Serdang Belah pula, beliau meminta kaedah pelantikan 'design and build' diubah kepada 'conventional method'. Oleh itu, pihak JKPM dalam peringkat membuat lantikan konsultan.</i>  <i>Encik Panalsalwa mencadangkan satu jawatankuasa kecil ditubuhkan bagi memantau perkara ini.</i>	<b>JKPM</b>
	7.5	Puan Rashina memaklumkan berkenaan notis cukai taksiran yang diedarkan kepada penduduk Kampung Seri Cheeding hingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka.  <i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan notis tersebut diberikan sebagai pemakluman bahawa rumah penduduk telah didaftarkan dan mempunyai akaun di bawah pihak Majlis.</i>  <i>Mesyuarat juga bersetuju untuk kenaikan cukai kawasan Kampung Sri Cheeding pada 1 Julai 2023 ditangguhkan</i>	<b>Makluman</b>

		<i>untuk pihak JPPH membuat kajian dan perjumpaan dengan penduduk sebelum kenaan dibuat.</i>	
	7.6	Encik Panalsalwa memaklumkan berkenaan tambakan tanah yang bermasalah di Tapak Perkuburan Hindu dan Kristian Sungai Kelambu.	<b>JK</b>
<b>8.0</b>	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam,		
	i.	Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera dan Salam Keluarga Madani kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha, YDM Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	<b>Makluman</b>
	ii.	Beliau merakamkan ucapan terima kasih kerana telah diberi peluang dan kepercayaan untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat kali ini. Pengalaman merupakan guru terbaik buat semua. Pengalaman juga mengajar kita tentang baik buruk sesuatu perkara. Benarlah kata pujangga, pengetahuan, pengalaman dan wawasan jauh lebih baik daripada longgokan harta, kerana gembira dengan harta benda semata-mata adalah bukan sifat semulajadi manusia sedangkan gembira dengan ilmu pengetahuan adalah sifat manusia. Dengan ini, beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas komitmen dan kerjasama yang diberikan.	<b>Makluman</b>
	iii.	Selaras dengan konsep pelaksanaan Smart Selangor, adalah menjadi harapan supaya MPKL dapat meningkatkan kecekapan dari segi proses pembangunan melalui pembaharuan peraturan dan prosedur di samping meningkatkan infrastruktur yang efisien supaya Kuala Langat kekal berdaya saing di peringkat negeri, negara mahupun antarabangsa. Pembaharuan ini adalah sejajar dengan permintaan perkhidmatan masyarakat Kuala Langat yang mengharapkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis untuk penduduk adalah perkhidmatan yang cekap, efisien, sistematik dan penuh berintegriti.	<b>Makluman</b>

		Sementelah usia Majlis yang telah menjangkau 4 tahun bertaraf perbandaran, proses-proses teknikal yang melibatkan pembangunan, infrastruktur yang berdaya saing dan peraturan prosedur yang memudahkan ketika menjalankan urusan harus dijadikan tunjang utama di masa hadapan.	
	iv.	Merujuk kepada Laporan IMD <i>World Competitiveness Yearbook</i> 2002, Malaysia telah tersenarai di antara 333 buah Negara yang paling berdaya saing di dunia. Malaysia berada di kedudukan ke-32, jatuh 7 tangga berbanding ke-25 pada tahun 2021 kesan daripada ekonomi yang tidak menentu serta inflasi di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, Malaysia masih mengekalkan 30 kedudukan teratas di kalangan 63 ekonomi global. Kedudukan ini ditentukan berdasarkan analisis daripada empat faktor utama iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur. MPKL adalah sebuah badan yang memainkan faktor utama bagi kemajuan setiap Negara.	<b>Makluman</b>
	v.	Budaya menyelenggara yang baik dan sistematik adalah amat penting bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di samping mampu menyumbang kepada penggunaan kos yang efisien. Tahap penyelenggaraan yang rendah akan menyebabkan berlakunya kerosakan, kebocoran, keruntuhan dan keretakan infrastruktur dan fasiliti yang boleh mengancam nyawa. Ia sekaligus boleh menjejaskan kepercayaan rakyat khususnya pembayar cukai Majlis. Perkhidmatan asas seperti perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan longkang dan pemotongan rumput diberi keutamaan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Kuala Langat. Sehubungan itu, pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik perlu dipantau dengan teliti. Justeru itu, dalam penyediaan bajet, pihak Majlis juga harus memberi tumpuan kepada iltizam untuk meningkatkan budaya	<b>Makluman</b>

		<p>menyelenggara dengan memberi fokus kepada perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran dan meningkatkan program penghijauan Bandar melalui program penyelenggaraan landskap. Kemampuan MPKL bukan hanya dilihat kepada kemampuan menyediakan prasarana malah kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan secara berkala dan efisien.</p>	
	vi.	<p>Di samping itu, beliau ingin menekankan bahawa sistem proses aplikasi atau sebarang permohonan di Majlis perlu diambil berat. Apatah lagi, apabila masyarakat ingin merealisasikan pendapatan harian mereka melalui bidang perniagaan di daerah ini. Adakalanya proses aplikasi di bahagian Majlis mengambil masa yang panjang dan adakalanya perlu berulang alik untuk mendapat satu jawapan yang tepat. Ramai peniaga tanpa lesen ingin mencari jalan penyelesaian secara baik dengan Majlis dengan mendapatkan kelulusan mengikut syarat yang disediakan. Terdapat juga beberapa kes di mana penduduk yang kurang arif dalam memenuhi syarat yang disediakan oleh pihak Majlis amat memerlukan penjelasan dan tunjuk ajar daripada pihak Majlis. Sebagai Majlis Perbandaran, beliau percaya ia dapat diperhalusi proses aplikasi secara mudah dan pantas setaraf dengan Negara lain.</p>	<b>Makluman</b>
	vii.	<p>Zaman kini adalah zaman komunikasi pintar. Sehari-hari manusia menjalinkan hubungan erat dan kerap melalui gajet telefon pintar dan tablet. Masyarakat lebih gemar mengikuti perkembangan semasa di dalam media sosial seperti di <i>Facebook</i>, <i>Instagram</i> dan <i>Twitter</i> lebih daripada media tradisi seperti akhbar, tv dan radio. Pandemik Covid-19 menambah lagi kebergantungan manusia kepada komunikasi pintar ini. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan pihak Majlis agar lebih kerap memuatnaik maklumat dan aktiviti MPKL di media sosial. Beliau memohon jasa baik Ahli-Ahli Majlis untuk berkongsi aktiviti tersebut di laman sosial</p>	<b>Makluman</b>

		masing-masing. Kekurangan perkongsian menyebabkan informasi MPKL tidak sampai kepada masyarakat. Contohnya, iklan sewaan gerai MPKL yang tidak sampai kepada penduduk hingga iklan tersebut tamat tempoh. Selain itu, kes-kes berat seperti pembuangan sampah haram serta tangkapan yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan perlu dihebahkan bagi menunjukkan kecekapan pihak Majlis.	
	viii.	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama yang diberikan. Beliau mengakhiri ucapan dengan beberapa rangkap pantun,  Merdu Bertingkah Alunan Suara, Kadang Tak Sedar Tersilap Kata, Andai Terlanjur Patah Bicara, Serendah Hati Kemaafan Dipinta.	<b>Makluman</b>
<b>9.0</b>		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</b>	
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam atas ucapan penangguhan pada hari ini. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 30 Mei 2023

## MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

### BILANGAN 5 TAHUN 2023

Disemak oleh :

.....  
**(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)**

Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

#### **PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*lynda/mesyuarat mpk15/2023*